

KDNK Malaysia antara terbaik di ASEAN

KUALA LUMPUR 4 Sept. - Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani menegaskan bahawa, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia antara yang terbaik di ASEAN, walaupun keadaan ekonomi global lembap.

Sambil menolak kritikan negatif terhadap kedudukan ekonomi negara oleh pembangkang, beliau berkata, berdasarkan statistik pada 31 Julai, ekonomi masih berkembang sebanyak 4.1 peratus pada separuh pertama tahun ini, manakala Singapura mencatatkan hanya dua peratus.

"Hutang kita kepada KDNK hanya 54.5 peratus berbanding Singapura 89 peratus dan lebihan dagangan kita pada 2015 sebanyak RM95 bilion dan RM45

bilion untuk tempoh enam bulan pertama tahun ini," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, ekonomi Malaysia adalah pelbagai dengan sektor perkhidmatan menyumbang 54 peratus kepada KDNK, diikuti pembuatan (23 peratus), perlombongan (sembilan peratus), pertanian (lapan peratus) dan pembinaan (empat peratus).

Johari juga berkata, sistem kewangan Malaysia amat berdaya tahan dengan sektor perbankan mempunyai modal yang kukuh.

"Pasaran modal kita juga



JOHARI ABDUL GHANI

kukuh iaitu sebanyak RM2.8 trilion, pasaran ekuiti RM1.7 trilion dan sukuk/bon RM1.1 trilion," katanya.

Fitch Ratings mengekalkan penarafan 'A-' ke atas negara dengan unjuran stabil, mencerminkan asas ekonomi negara yang kukuh.

"Penarafan oleh Fitch, Moody's dan Standard & Poor's kekal pada A- berbanding semua negara ASEAN, kecuali Singapura, menunjukkan kita lebih baik," kata Johari.

Sementara itu, rizab antara-bangsa Bank Negara berjumlah RM391.9 bilion pada 15 Ogos lalu. - BERNAMA

WUHAN 5/9